

# KOMPAS IRIS

LAPORAN & ANALISA BULANAN  
EDISI 1 | 2019





# Isi Kandungan

Prakata .....	4
Ringkasan Eksekutif .....	5
Analisa Isu-Isu Strategik	
<b>1. Hubungan Baik DAP dengan China: Sejauh mana China akan Menjadi</b>	
<b>Penaja Utama Kerajaan Pusat yang diterajui DAP .....</b>	<b>7</b>
Pendahuluan.....	7
Hubungan Rasmi DAP dengan Parti Komunis China, Kukuhkan Kekuatan Ekonomi DAP.....	7
Wakil DAP disusun Memegang Pos-Pos Penting Menguruskan Hubungan dan Pelaburan Luar China ke Malaysia .....	9
Peningkatan Pelaburan Luar China Kukuhkan Ekonomi Kerajaan Negeri Pulau Pinang .....	10
Implikasi hubungan China-DAP .....	11
Rumusan dan Cadangan .....	13
<b>2. Penerusan Projek Bandar Malaysia Untungkan Kapitalis Cina Tempatan dan Global .....</b>	<b>14</b>
Pendahuluan .....	14
Pemilikan Majoriti Tanah Bandar Malaysia Masih Dipegang Oleh Konsortium Swasta Cina (IWH-CREC) .....	14
Penganugerahan kontrak pembinaan di kawasan Bandar Malaysia rata-rata diperolehi oleh pemaju Cina tempatan dan China global .....	15
Model Pembangunan Bandar Malaysia Berorientasikan Pembangunan Transit .....	16
Implikasi Penerusan Projek Bandar Malaysia .....	16
Rumusan dan cadangan .....	19
<b>3. Kedatangan Warga China ke Malaysia, Wujud Risiko Ancaman Demografi ...</b>	<b>20</b>
Pendahuluan .....	20

MM2H: Laluan mudah kelompok elit China menetap di Malaysia .....	20
Pembinaan Infrastruktur dan kemudahan kediaman buat warga China di Malaysia .....	21
Risiko Perubahan Demografi: 100,000 Warga China Berstatus Mypr Diberikan Kerakyatan Penuh? .....	23
Sindiket Kewarganegeraan Malaysia: Di Manakah Pelancong China Yang Hilang Di Malaysia? .....	23
Implikasi politik dan sosial .....	25
Rumusan dan Cadangan .....	28

# Prakata

Laporan ini adalah penulisan analitikal para penyelidik IRIS INSTITUTE tentang isu-isu strategik yang mempunyai implikasi besar dalam setiap bidang utama. Ia memandu para pembaca untuk memahami pelbagai peristiwa yang berlaku dalam kerangka strategik yang autentik. Melalui analisa ini pembaca akan memperolehi perspektif yang betul dan tajam dalam menilai isu seterusnya membolehkan pembaca berfikir dan merancang dalam hala tuju yang tepat.

Setiap laporan akan menceritakan kronologi peristiwa-peristiwa signifikan secara terperinci. Kemudian analisa terhadap implikasi yang akan berlaku kesan dari perkembangan ini akan dihuraikan secara tuntas. Hasil daripada analisa ini, beberapa cadangan akan digariskan untuk diambil perhatian oleh para pembaca.

**Asyraf Farique**

Ketua Editor

# Ringkasan Eksekutif

Penulisan pada kali ini akan menganalisa perkembangan terbaru projek PenChinaan di Malaysia. Sejauh manakah penerusan projek-projek PenChinaan ini akan mengukuhkan lagi cengkaman China ke atas Malaysia? Analisa perkembangan akan dibahagikan kepada beberapa kajian kes dalam bidang utama iaitu politik, ekonomi dan sosial.

Persoalan yang berkaitan dengan aspek politik ialah; Apakah strategi dan pelan keseluruhan DAP sebagai sebuah parti dengan China? Kajian mendapati terdapat pola yang menunjukkan usaha ke arah menjadikan China sebagai penaja utama untuk sebuah kerajaan pusat yang akan diterajui oleh DAP. Antara faktor yang menyumbang ke arah usaha ini ialah; 1) hubungan rasmi kerjasama politik antara Parti DAP dan Parti Komunis China (CCP), 2) penyusunan wakil DAP di dalam pos-pos strategik yang menguruskan hubungan dan projek-projek pelaburan Malaysia-China, dan 3) Peningkatan pelaburan luar terus dari China ke Pulau Pinang.

Faktor-faktor ini membawa kepada implikasi berikut; 1) Hubungan rasmi yang terjalin antara DAP dan CCP dalam pelbagai bidang akan mengukuhkan sumber kewangan DAP yang diperolehi daripada CCP, 2) DAP akan meningkatkan kawalan terhadap aliran keluar masuk pelaburan luar terus dari China melalui projek—projek pembangunan yang dijalankan, dan 3) Peningkatan bantuan ekonomi dari China dalam skala yang besar akan mengurangkan kebergantungan ekonomi kerajaan negeri Pulau Pinang kepada kerajaan pusat.

Persoalan yang timbul dalam bidang ekonomi ialah, apakah implikasi daripada penerusan projek Bandar Malaysia kepada ekonomi negara secara umum dan nasib orang Melayu secara khusus? Kajian mendapati penerusan Bandar Malaysia lebih menguntungkan kapitalis Cina tempatan dan global berbanding negara dan orang Melayu secara keseluruhan.

Tiga faktor yang menyumbang ialah; 1) Pemilikan majoriti tanah Bandar Malaysia masih lagi dipegang oleh konsortium swasta melalui penjualan majoriti 60% pemilikan tanah oleh kerajaan Malaysia, 2) Penganugerahan kontrak pembinaan di kawasan Bandar Malaysia rata-rata diperolehi oleh pemaju Cina tempatan dan China global, dan 3) Majoriti penduduk yang akan menduduki Bandar Malaysia adalah dalam kalangan ekspatriat yang majoritinya adalah dari negara China serta warga Cina tempatan.

Faktor-faktor ini membawa kepada implikasi berikut seperti 1) Kerajaan Malaysia akan hilang pegangan penuh terhadap pemilikan tanah Bandar Malaysia, Malaysia apabila menguasai hanya 40% daripada jumlah keseluruhan pemilikan tanah di situ 2) Projek-projek pembinaan di Bandar Malaysia akan menguntungkan kapitalis Cina tempatan dan global, serta 3) Lambakan imigran-imigran China yang akan menduduki dan membeli rumah di kawasan Bandar Malaysia, akan meningkatkan proses gentrifikasi di situ.

Manakala permasalahan bidang sosial, meninjau risiko lambakan kedatangan warga China ke Malaysia. Kajian mendapati risiko ancaman demografi terhadap kedatangan warga China ke Malaysia melalui tiga keadaan; 1) Sindiket kewarganegaraan melalui sektor pelancongan dan polisi kelonggaran visa pelancong dari China, oleh Kementerian Pelancongan Malaysia. 2) Peningkatan pembinaan infrastruktur perumahan untuk warga ekspatriat China melalui program Malaysia My Second Home (MM2H), serta 3) Peningkatan jumlah pekerja dari China yang datang ke Malaysia untuk menjalankan projek-projek pembinaan infrastruktur.

Faktor-faktor di atas membawa dua implikasi besar dari sudut politik dan sosial. Dari sudut politik, warga-warga China yang datang ke Malaysia melalui program MM2H akan memperoleh kerakyatan penuh dan serta mendapat hak untuk mengundi. Dari sudut implikasi sosial, lambakan pendatang dari China akan mengubah status demografi negeri-negeri di Malaysia, khususnya di bandar-bandar besar.

Berdasarkan dapatan kajian di atas, perkembangan terkini projek PenChinaan menunjukkan China semakin mengukuhkan cengkaman terhadap Malaysia. Kajian mencadangkan keperluan kepada meningkatkan lagi wacana nasional di semua peringkat tentang bahaya Projek PenChinaan ini dan kesannya terhadap kedaulatan negara.

# Hubungan Baik DAP dengan China: Sejauh mana China Akan Menjadi Penaja Utama Kerajaan Pusat Yang Diterajui oleh DAP?

*Oleh: Asyraf Farique*

## **Pendahuluan**

Sebelum Pilihan Raya Umum ke-14, China banyak menjalinkan hubungan secara rasmi dengan MCA selaku satu komponen dalam Kerajaan Pusat. Kini, selepas tumbangannya MCA dalam PRU 14, DAP dilihat menjadi ejen utama kepada China untuk mempengaruhi kerajaan Pakatan Harapan agar cenderung kepada polisi-polisi yang memihak kepada China. Kedua-dua pihak iaitu kerajaan China dan DAP memperlihatkan diri mereka sebagai rakan kongsi di dalam segenap sektor yang boleh digunakan untuk mengukuhkan kuasa politik dan ekonomi masing-masing di Malaysia. Persoalannya, apakah strategi dan pelan keseluruhan DAP, sebagai sebuah parti dengan China? Adakah hubungan baik DAP dengan China ke arah menjadikan China sebagai penaja utama untuk sebuah kerajaan pusat yang akan diterajui oleh DAP?

## **Hubungan Rasmi DAP Dengan Parti Komunis China, Kukuhkan Kekuatan Ekonomi DAP**

Sebelum PRU ke-14, Parti Komunis China (CCP) banyak menjalinkan kerjasama politik secara terus dengan Persatuan Cina Malaysia (MCA). Di mana MCA dan CCP telah berikrar akan mempertingkatkan perkongsian pengalaman dalam kalangan pemimpin kedua-dua buah parti di semua

peringkat bagi mencapai keunggulan wawasan kerjasama <sup>1</sup>. Melalui kerjasama politik itu, ahli Parti MCA di semua peringkat dan cawangan dihantar ke China untuk menjalani latihan politik bagi mengetahui dan mendalami selok belok pentadbiran di wilayah-wilayah pentadbiran China. Antaranya adalah penghantaran pemimpin akar umbi MCA ke kem latihan indoktrinasi di Akademi Kepimpinan Eksekutif China (CELAP) di Pudong China.

Pada waktu yang sama, China bukan sahaja menjalinkan hubungan baik dengan MCA, malah China juga menjalinkan hubungan baik dengan DAP melalui beberapa pertemuan bersama yang dilakukan dengan wakil Konsulat General China di Pulau Pinang <sup>2</sup>. Pada 3 Mac 2017, wakil rakyat DAP juga mengadakan kunjungan hormat melawat Duta Besar China ke Malaysia pada ketika itu, Huang Huikang membincangkan hal-hal pembangunan ekonomi Pulau Pinang. Tetapi hal ini tidak diwar-warkan secara terbuka di media massa. Wakil-wakil rakyat DAP dilihat lebih berhati-hati tidak mengeluarkan sebarang kenyataan yang menyatakan pendirian secara jelas mengenai projek-projek PenChinaan.

Kerjasama politik antara DAP dan Parti Komunis China semakin kukuh pada pasca PRU ke-14. Hal ini boleh difahami melalui pergerakan Penasihat DAP, Lim Kit Siang yang kerap mengadakan siri-siri lawatan ke China mewakili DAP. Lim Kit Siang selaku Penasihat DAP menolak jawatan menjadi menteri dan memfokuskan masa beliau terhadap hal-hal yang melibatkan strategi politik DAP <sup>3</sup>. Sehingga kini Lim Kit Siang telah mengetuai empat (4) siri lawatan rasmi wakil rakyat DAP ke China dan kunjungan rasmi yang kerap ke Pejabat Konsulat General China di Pulau

---

<sup>1</sup> MCA, CPC to cooperate in various areas <https://www.thestar.com.my/news/nation/2017/05/13/mca-cpc-cooperation/>

<sup>2</sup> DAP mengadakan kunjungan hormat lawat duta besar China <https://malaysiagazette.com/blog/2017/03/03/dap-disindir-lakukan-pusingan-u-apabila-lawat-duta-besar-china/>

<sup>3</sup> Lim Kit Siang tolak jawatan jadi menteri <https://www.roketkini.com/2018/05/20/lim-kit-siang-tolak-jawatan-jadi-menteri/>



Pinang. Lawatan rasmi ke China ini mengambil model yang hampir serupa seperti apa yang pernah dilalui MCA di China. Fokus lawatan Lim Kit Siang dan wakil rakyat DAP adalah mengadakan pertemuan bersama pimpinan-pimpinan wilayah China untuk berkongsi pengalaman dan pentadbiran mengenai proses urbanisasi di wilayah-wilayah pentadbiran China serta manfaat ekonomi yang boleh diambil Pulau Pinang.

Jika diambil beberapa kajian kes yang pernah berlaku di Australia dan New Zealand, parti-parti yang menjalinkan hubungan rasmi dengan CCP juga mendapat bantuan dana untuk pilihan raya. Seperti contoh Parti Buruh di Australia, mendapat bantuan dana daripada Parti Komunis China melalui Huang Xiangmo, jutawan dan ahli CCP yang terlibat melobi banyak ahli-ahli parti politik supaya menggubal polisi Australia supaya pro kepada China. Bantuan itu disalurkan melalui Menteri Luar daripada Parti Buruh, Bob Carr. Dana sebanyak 1.8 juta dolar disalurkan melalui institut berada dibawah pentadbiran beliau iaitu Australia China Research Institute (ACRI) <sup>4</sup>. MCA juga pada pilihan raya lepas dikatakan menerima dana daripada Parti Komunis China yang disalurkan melalui 1MDB.

### **Wakil DAP Disusun Memegang Pos-Pos Penting Menguruskan Hubungan Dan Pelaburan Luar China Ke Malaysia**

Ahli Parlimen DAP dan Menteri-menteri DAP disusun memegang pos-pos penting menguruskan hubungan Malaysia-China dalam semua bidang seperti, hubungan diplomasi, sosial, budaya, pendidikan, sains dan teknologi, perhubungan dan pengangkutan, perdagangan dan juga keselamatan. Hal ini boleh diperhatikan melalui permintaan DAP untuk

---

<sup>4</sup> <http://fokus.my/2018/03/05/malaysia-akan-bertukar-menjadi-negara-boneka-china-seperti-australia/>

melantik Pengerusi DAP (ahli Parlimen Cheras), Tan Kok Wai, sebagai Duta Khas ke China walaupun Kerajaan Malaysia sudah pun mempunyai Duta Besar Malaysia di China iaitu Datuk Zainuddin Yahya. Apakah keperluan bagi melantik dua wakil kedutaan di China?

Selain itu, bekas Ketua DAP Bahagian Teluk Intan, Hew Kuan Yau, yang terkenal dengan ungkapan “guna Melayu untuk skru Melayu” sebelum Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Majlis Perniagaan China-Malaysia (MCBC). Pelantikan Kuan Yau yang berkuat kuasa 1 Februari itu diumumkan Pengerusi MCBC merangkap Pengerusi DAP yang juga Duta Khas ke China, Tan Kok Wai. Menurut beberapa pendapat, DAP mahukan jawatan strategik ini untuk mengaut keuntungan hasil daripada perjanjian perdagangan yang terjalin antara syarikat-syarikat China dan juga kroni-kroni DAP dari Malaysia. Jika kenyataan ini benar, dapat difahami motif dan kepentingan DAP dalam merebut posisi tersebut.

Menteri-menteri DAP disusun untuk memegang beberapa portfolio penting dalam kementerian yang menguruskan projek-projek pelaburan penting China ke Malaysia. Menteri Pengangkutan Anthony Loke, menguruskan majoriti projek-projek infrastruktur China di Malaysia seperti hub Lokomotif di Batu Gajah, ECRL, MCKIP, projek pedalaman Tanjung Pelepas dan lain-lain . Beliau beberapa kali ke China dan terlibat dalam rundingan bersama pihak China. Begitu juga Teresa Kok, Menteri Industri Utama, beliau menguruskan jumlah pelaburan yang besar membabitkan eksport Kelapa Sawit Malaysia ke China.

### **Peningkatan Pelaburan Luar China Kukuhkan Ekonomi Kerajaan Negeri Pulau Pinang**

Banyak pihak menyangka DAP anti kepada Parti Komunis China dan menolak projek-projek mega China di bawah program One Belt One Road. Namun sangkaan itu sebenarnya tidak tepat. Lim Guan Eng

semasa memegang jawatan sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang sangat mengalu-alukan projek OBOR China. Beberapa projek selari dengan objektif OBOR telah dijalankan oleh syarikat China. Antaranya adalah projek perluasan Pelabuhan Pulau Pinang yang bernilai RM 6.3 bilion oleh pemaju dan pelabur dari China, Shenzen Yantian Port Group dan Rizhao Port Group Co. Projek-projek OBOR ini telah meningkatkan prestasi ekonomi kerajaan negeri Pulau Pinang melalui pelaburan besar-besaran oleh China.

Menurut Konsulat General China di Pulau Pinang, Wu Jun, China merupakan penyumbang terbesar kepada pembangunan ekonomi Pulau Pinang pada tahun 2017 <sup>5</sup>. Pada tahun 2018, China telah meningkatkan bantuan ekonomi kepada kerajaan DAP di Pulau Pinang. Pada tahun 2018, jumlah pelaburan luar daripada China sebanyak 66% berbanding jumlah keseluruhan pelaburan luar sebanyak RM3.8 bilion. Sektor yang menjadi penyumbang besar adalah sektor pembuatan, pelancongan dan pembinaan. Kerajaan China kini menjadi antara penyumbang utama kepada ekonomi negeri Pulau Pinang.

### **Implikasi hubungan China-DAP**

Peningkatan faktor-faktor di atas akan membawa kepada implikasi berikut;

- i. Hubungan rasmi yang terjalin antara DAP dan Parti Komunis China (CCP) dalam pelbagai bidang akan mengukuhkan kedudukan politik DAP dalam kerajaan Pakatan Harapan. Hal ini boleh berlaku sekiranya DAP menerima sumber kewangan yang besar daripada CCP seperti apa yang pernah berlaku kepada parti-parti yang pernah

<sup>5</sup> <https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2017/09/28/china-is-top-foreign-investor-in-penang/>

menjalinkan hubungan secara rasmi dengan CCP di negara-negara seperti Australia, New Zealand, Taiwan, Eropah dan di Afrika. Sekiranya DAP berjaya mendapatkan dana untuk pilihan raya pada PRU 15 yang akan datang melalui CCP, maka mereka tidak perlu bergantung kepada dana daripada parti komponen Pakatan Harapan. Dikhuatiri DAP akan menentukan hala tuju Pakatan Harapan kerana memegang sejumlah dana yang besar dan mempunyai kapasiti untuk mendanai parti-parti komponen yang lain.

- ii. DAP akan meningkatkan kawalan terhadap aliran keluar masuk pelaburan luar daripada China melalui projek-projek pembangunan yang dijalankan. Hal ini kerana kebanyakan projek-projek daripada China diuruskan oleh menteri-menteri DAP yang memegang portfolio dalam Kementerian Pengangkutan, Kementerian Kewangan, Kementerian Perdagangan, Kementerian Industri Utama dan lain-lain. Melalui kawalan terhadap pos-pos strategik ini, DAP memiliki kuasa wewenang untuk berunding dengan Kerajaan Pusat kerana mereka mengawal kebanyakan projek yang keluar masuk dari China. Sebarang sekatan terhadap DAP akan membawa kepada sekatan dan tekanan terhadap ekonomi negara. Hal ini akan membawa kepada terbitnya lebih banyak polisi daripada kerajaan yang cenderung kepada agenda PenChinaan.
- iii. Peningkatan bantuan ekonomi dari China dalam skala yang besar akan mengurangkan kebergantungan ekonomi kerajaan negeri Pulau Pinang kepada kerajaan pusat. Hal ini seterusnya akan membuka lebih banyak ruang kepada proses desentralisasi kuasa pentadbiran daripada Kerajaan Pusat dan membawa kepada meningkatkannya risiko gerakan autonomi. Sekiranya faktor ini berterusan, Pulau Pinang lambat laun akan keluar daripada Malaysia dan membentuk sebuah negara Cina seperti apa yang pernah berlaku kepada Singapura.

## Rumusan dan Cadangan

Berdasarkan faktor-faktor dan implikasi yang disebutkan di atas, terdapat pola yang menunjukkan China bakal menjadi penaja utama penubuhan sebuah kerajaan pusat yang diterajui oleh DAP.

Tiga (3) cadangan utama kepada pihak yang berkepentingan dan berpengaruh terhadap isu ini. **Pertama**, parti pembangkang perlu konsisten mendesak kerajaan agar tidak tunduk kepada projek-projek China yang jelas menguntungkan China dan juga sekutu-sekutu mereka di Malaysia. **Kedua**, wacana nasional terhadap isu PenChinaan ini perlu ditingkatkan dari semasa ke semasa supaya orang awam khususnya orang Melayu jelas akan modus operandi yang digunakan China terhadap proksi mereka di Malaysia. **Ketiga**, NGO dan badan pemantau perlu mendesak kerajaan supaya menyemak dan mengisytiharkan sebarang bentuk penyaluran dana dari Parti Komunis China kepada DAP dalam apa bentuk sekalipun.



# Penerusan Projek Bandar Malaysia Untungkan Kapitalis Cina Tempatan dan Global

*Oleh: Asyraf Farique*

## **Pendahuluan**

Setahun selepas Pilihan Raya Umum ke-14, satu demi satu projek-projek pembangunan yang mempunyai kaitan dengan China diteruskan semula oleh kerajaan Pakatan Harapan (PH). Antaranya adalah projek Bandar Malaysia yang disebut oleh Tun Dr Mahathir sebelum PRU 14 sebagai projek yang menggugat kedaulatan negara. Menurut beliau, projek dengan keluasan tanah 486 ekar itu menggadaikan tanah strategik Lapangan Terbang Sungai Besi yang menjadi pangkalan TUDM. Namun kini, projek Bandar Malaysia diteruskan semula oleh kerajaan Pakatan Harapan. Persoalannya pihak manakah yang paling mendapat untung hasil penerusan semula projek Bandar Malaysia ini?

## **Pemilikan Majoriti Tanah Bandar Malaysia Masih Dipegang Oleh Konsortium Swasta Cina (IWH-CREC)**

Bandar Malaysia pada awalnya dimiliki oleh 1Malaysia Development Berhad (1MDB) iaitu sebuah syarikat pembangunan strategik yang dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia. Walau bagaimanapun, beban hutang tinggi yang melanda 1MDB mengakibatkan mereka terpaksa menjual 60% saham Bandar Malaysia kepada syarikat China Railway Engineering Corporation dan Iskandar Waterfront Holdings Bhd serta mereka juga dilantik sebagai pemaju utama pada tahun 2015 dengan nilai saham sekitar RM7.41 bilion.

Penjualan tersebut dikatakan sebagai salah satu usaha daripada tiga cabang pelan di bawah program rasionalisasi dalam menyelesaikan krisis hutang 1MDB. Walau bagaimanapun, perjanjian tersebut dilihat gagal apabila pada 3 Mei 2016, TRX City Sdn Bhd yang berada di bawah kementerian kewangan mengumumkan perjanjian jualan saham dengan CREC dan IWH Beijing telah luput, oleh itu ia ditamatkan serta merta dan TRX City Sdn Bhd pula mengambil alih.

Selepas Pakatan Harapan memegang tampuk pemerintahan, Projek Bandar Malaysia telah dihentikan seketika. Ini merupakan satu langkah mewujudkan persepsi bahawa kerajaan menunaikan janji mereka. Namun pada Jumaat 19 April 2019, Tun Mahathir mengumumkan projek Bandar Malaysia akan diteruskan semula dengan beberapa perubahan. Antaranya adalah pembinaan 10,000 buah rumah mampu milik oleh kontraktor China dan pembukaan penyertaan kepada kontraktor Bumiputra dalam projek Bandar Malaysia.

Kontrak pemaju asal iaitu Konsortium Iskandar Waterfront Holdings Bhd milik taikun Cina Tan Sri Lim Kang Hoo dan China Railway Engineering Corp Sdn Bhd (IWH-CREC) diteruskan semula. Mereka dikehendaki untuk membayar deposit asal dalam masa 60 hari sebanyak 741 Juta Ringgit dan tambahan 500 Juta Ringgit. Konsortium swasta ini masih lagi memegang pemilikan majoriti Bandar Malaysia sebanyak 60%.

### **Penganugerahan kontrak pembinaan di kawasan Bandar Malaysia kepada pemaju Cina tempatan dan China global**

Menurut sumber daripada Bank Pembangunan Singapura, majoriti pemaju yang akan memperolehi kontrak pembinaan di kawasan Bandar Malaysia adalah pemaju-pemaju Cina tempatan dan China global seperti IJM Corp, Sunway Corp, WKT, Gamuda, China Railway Engineering Corp, China Energy Co Ltd dan lain-lain. Walaupun Tun Dr Mahathir menegaskan bahawa pembangunan Bandar Malaysia akan mengambil

kira penyertaan Bumiputera, namun sehingga kini tiada lagi sumber menunjukkan senarai pemaju Bumiputera akan terlibat dalam projek pembinaan Bandar Malaysia. Barangkali pemaju Bumiputera terlibat dalam kontrak kecil pembinaan yang tidak memberi implikasi ekonomi yang besar kepada kontraktor-kontraktor Bumiputera.

### **Model Pembangunan Bandar Malaysia Berorientasikan Pembangunan Transit**

Model pembangunan Bandar Malaysia berorientasikan pembangunan transit di mana projek-projek perumahan akan dibina berhampiran dengan hub stesen transit seperti LRT, MRT dan HSR (KL-SINGAPURA). Model pembangunan seperti ini dikritik kerana berupaya meningkatkan risiko gentrifikasi di kawasan berpendapatan rendah. Dalam sesetengah kes di beberapa bandar besar dunia seperti Shenzhen, Shanghai dan Edmonton, model pembangunan transit ini meningkatkan harga rumah dan menolak penduduk yang berpendapatan rendah keluar dari kawasan bandar. Matlamat asal bagi membantu golongan kurang berkemampuan, tidak tercapai melalui model pembangunan ini. Model pembangunan transit ini hanya menguntungkan para kapitalis pemaju hartanah di bandar-bandar besar. Bagi kes Bandar Malaysia, lebih 100,000 buah rumah bernilai RM600,000 ke atas dijangka akan dibina dalam Bandar Malaysia dan akan menempatkan penduduk seramai 220,000 orang. Majoriti penduduk adalah dalam kalangan ekspatriat dari negara China, memandangkan syarikat-syarikat multinasional China seperti Tencent, Alibaba, Huawei, CREC dan lain-lain akan membuka ibu pejabat mereka di Bandar Malaysia.

### **Implikasi Penerusan Projek Bandar Malaysia**

Berdasarkan situasi dan faktor yang dinyatakan di atas, implikasi utama dalam aspek kedaulatan, ekonomi, dan sosial dapat dilihat seperti berikut:

Kerajaan Malaysia akan hilang pegangan penuh terhadap pemilikan tanah Bandar Malaysia apabila menguasai hanya 40% daripada jumlah keseluruhan pemilikan tanah di situ. Kontrak pemaju asal iaitu Konsortium Iskandar Waterfront Holdings Bhd milik taikun Cina Tan Sri Lim Kang Hoo dan China Railway Engineering Corp Sdn Bhd (IWH-CREC) diteruskan semula, selepas dihentikan sebelum ini oleh kerajaan Pakatan Harapan. Konsortium swasta ini masih lagi memegang pemilikan majoriti Bandar Malaysia sebanyak 60%. Kebarangkalian konsortium swasta ini akan menentukan corak pentadbiran dan sistem pengurusan bandar yang tidak tertakluk di bawah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur adalah tinggi. Sebagaimana berlaku di Forest City, di mana sistem pengurusan bandar Forest City berkonsepkan sistem pemandaran di Shenzen. Transaksi pembayaran adalah dalam mata wang Yuan dan bukannya ringgit Malaysia, serta penduduk di sana tidak tertakluk di bawah undang-undang kerajaan Malaysia.

Nasib pemaju Bumiputera pula semakin tenggelam dalam arus pembangunan ini. Walaupun Tun Dr Mahathir menegaskan bahawa pembangunan Bandar Malaysia akan mengambil kira penyertaan Bumiputera, namun sehingga kini tiada lagi sumber menunjukkan senarai pemaju Bumiputera yang akan terlibat dalam projek pembinaan Bandar Malaysia. Berdasarkan situasi yang pernah berlaku terhadap projek-projek mega negara yang lain seperti ECRL, MCKIP dan juga TRX City, penganugerahan kontrak hanya diberi dan dimonopoli oleh pemaju-pemaju besar Cina yang mempunyai modal yang besar. Pemaju Bumiputera hanya terlibat dalam projek-projek kecil yang tidak memberi implikasi signifikan terhadap sumber ekonomi mereka. Sumber daripada Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia mengatakan seramai 43,000 kontraktor Bumiputera berdepan risiko 'gulung tikar' ekoran kekurangan projek-projek yang ditawarkan kepada mereka ketika ini.

Penerusan projek Bandar Malaysia juga bakal menguntungkan kapitalis elit global Yahudi. Jika dianggarkan kos projek 50 peratus daripada RM140 bilion (jumlah pembangunan kasar), maka kos projek dijangka mencecah sebanyak RM70 bilion. Pihak manakah yang akan mendanai projek pembinaan sebesar itu? Sumber The Star, menunjukkan 8 institusi kewangan akan menjadi pendana utama kepada projek Bandar Malaysia ini <sup>6</sup>. Empat (4) daripadanya adalah daripada bank-bank tempatan iaitu, CIMB, Maybank, RHB Capital dan Affin Bank Bhd, dan empat (4) yang lain adalah Bank of China, ICBC, China Construction Bank dan HSBC. Kesemua institusi kewangan yang mendanai projek Bandar Malaysia itu memiliki paling kurang tujuh (7) daripada senarai keseluruhan 17 firma kewangan dunia yang menguruskan aset melebihi 1 trilion dolar. Antaranya adalah *BlackRock, Fidelity, JP Morgan, Vanguard, UBS, Invesco, Citibank, Barclays* dan *StateStreet*. Kesemua firma kewangan ini, sama ada dimiliki atau diuruskan oleh Yahudi.

Lambakan imigran China yang akan menduduki dan membeli rumah di kawasan Bandar Malaysia akan meningkatkan risiko gentrifikasi di situ. Kawasan Bandar Malaysia yang pada mulanya menempatkan lapangan udara TUDM dan beberapa buah perkampungan Melayu seperti Kampung Kerayong akhirnya akan lenyap. Orang Melayu akan semakin terusir daripada arus pempindahan dan hidup di pinggir-pinggir bandar. Manakala, Bandar Malaysia pula akan dihuni oleh golongan kelas pertengahan baru majoritinya adalah bangsa Cina Malaysia dan Cina dari Tanah Besar China yang mampu untuk membeli rumah yang majoritinya berkos tinggi. Hal ini seterusnya memungkinkan

---

<sup>6</sup> Eight major banks backing up Bandar Malaysia Fund <https://www.thestar.com.my/business/business-news/2016/06/16/eight-major-banks-backing-up-bandar-malaysia-fund/>



risiko untuk Bandar Malaysia menjadi sebuah lagi Bandar Cina seperti Forest City.

### **Rumusan dan Cadangan**

Kesimpulannya, penerusan projek Bandar Malaysia lebih banyak menguntungkan pihak kapitalis Cina tempatan, China global dan elit global kapitalis Yahudi melalui hutang projek Bandar Malaysia yang mencecah puluhan bilion ringgit. Negara Malaysia secara umum dan orang Melayu secara khusus tidak mendapat banyak faedah daripada penerusan projek Bandar Malaysia ini. Orang Melayu terus terpinggir daripada arus pemandaran ini.

Tiga cadangan untuk pihak-pihak yang berkepentingan dan berpengaruh terhadap isu ini. **Pertama**, kerajaan perlu memastikan sistem pentadbiran dan pengurusan bandar tertakluk sepenuhnya di bawah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur walaupun ia melibatkan pihak swasta. **Kedua**, kerajaan perlu melibatkan dan membantu lebih ramai pemaju Bumiputera di dalam projek pembinaan Bandar Malaysia. **Ketiga**, mewujudkan satu mekanisma khas untuk memastikan pemilikan hartanah di Bandar Malaysia tidak jatuh ke tangan asing dan kedatangan imigran dari negara asing dikawal supaya jumlahnya tidak melebihi penduduk tempatan.

# Kedatangan Warga China Ke Malaysia, Wujud Risiko Ancaman Demografi

Oleh: Aiman Faudzi

## Pendahuluan

China melalui projek One Belt One Road (OBOR) telah banyak membuat pelaburan ekonomi di negara ini. Kedatangan pelancong China ke negara ini semakin bertambah selaras dengan sasaran kerajaan yang menjadikan sektor pelancongan sebagai satu bentuk sumber pendapatan kepada ekonomi negara.

Namun begitu, kedatangan warga China ke Malaysia mampu mewujudkan risiko ancaman demografi pada masa akan datang. Orang China menjadi bangsa asing yang paling ramai datang ke Malaysia dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Mereka masuk ke Malaysia melalui beberapa kaedah migrasi seperti di bawah program Malaysia My Second Home (MM2H), sektor pelancongan, usaha mendapatkan status pemastautin tetap (MyPR) dan sebagai pekerja di Malaysia.

Kedatangan beramai-ramai ke negara ini akan membawa kepada perubahan demografi rakyat Malaysia. Dalam masa yang sama, wujud usaha mendapatkan status warganegara penuh yang bukan sahaja mampu mengubah status quo demografi sosial tetapi turut mendatangkan pelbagai implikasi kepada politik dalaman negara baik dari sudut polisi kerajaan mahupun proses pilihan raya.

## **MM2H: laluan mudah kelompok elit China menetap di Malaysia**

Program *Malaysia My Second Home* (MM2H) merupakan sebuah program yang membenarkan mana-mana warga luar bagi mendapatkan visa untuk tinggal selama 10 tahun di Malaysia. MM2H bermula sejak dari tahun 2002 di bawah Kementerian Pelancongan dengan kerjasama Kementerian

Dalam Negeri (KDN). Kementerian pelancongan mensasarkan kelompok kelas atasan yang kaya untuk menetap di Malaysia melalui program ini bagi menyumbang kepada aliran masuk dana ke dalam ekonomi negara.

Melalui data yang ditunjukkan oleh portal rasmi MM2H, rakyat China merupakan pemohon paling ramai dalam program MM2H yang mencecah seramai 12,881 orang. Jumlah ini mewakili 30.5% dari keseluruhan 42,271 orang pemohon di bawah program MM2H ini. Peningkatan permohonan mendadak dari warga China bermula dari tahun 2013 di mana telah mencecah ribuan angka dan agak konsisten sehingga tahun 2018 <sup>7</sup>.

Warganegara China yang berada di bawah program MM2H mempunyai kebebasan penuh di Malaysia untuk menjalankan perniagaan dan memiliki aset hartanah. Jika mereka mempunyai syarat yang cukup seperti yang tertakluk dalam perlembagaan persekutuan, mereka boleh memohon status pemastautin tetap (MyPR) di Malaysia <sup>8</sup>. Untuk jangka masa yang panjang adalah tidak mustahil warganegara China di bawah program MM2H boleh memohon untuk mendapatkan status warganegara penuh sekaligus memiliki hak dalam soal politik dan keistimewaan yang dimiliki oleh rakyat Malaysia yang lain.

### **Pembinaan Infrastruktur dan kemudahan kediaman buat warga China di Malaysia**

Dalam satu laporan yang dikeluarkan oleh Maybank, Malaysia dikatakan telah menjadi tumpuan kelompok kelas atasan China untuk didiami (di bawah program MM2H). Malaysia menjadi 3 sasaran utama selain

<sup>7</sup> Portal Rasmi Malaysia My Second Home Program dilayari pada 17 Jun 2019. <http://www.mm2h.gov.my/index.php/en/home/programme/statistics>

<sup>8</sup> Rujuk peruntukan perlembagaan khususnya perkara 14, 15 16 dan 19. <http://www.moha.gov.my/index.php/ms/hal-ehwal-pendaftaran-negara-kewarganegaraan>

Singapura dan Thailand di rantau Asia Tenggara ini. Seramai 35,800 limpahan expat (expatriate atau warganegara asing) yang majoritinya rakyat China menyasarkan bandar di Pulau Pinang, Eden of The Park di Kuching dan The Green Leaf di Sepang dalam program rumah kedua (MM2H) di Malaysia <sup>9</sup>. Faktor yang menyebabkan Malaysia dipilih sebagai rumah kedua atau retirement villages adalah kerana kemudahan untuk mendapatkan visa bagi tempoh yang lama berada di negara ini.

Pulau Pinang menjadi pilihan yang paling tinggi kerana memiliki pembangunan infrastruktur yang lengkap bagi warga China untuk tinggal di Malaysia. Pulau Pinang telah menyediakan fasiliti penempatan di bawah projek Penang South Reclamation (PSR) yang menyasarkan pembinaan 3 buah pulau baharu bagi penempatan 446,300 penduduk. Projek PSR berkeluasan 4,500 ekar mempunyai keluasan yang sama dengan Forest City di Johor <sup>10</sup>. Projek itu telah menerima bantahan di peringkat tempata kerana ia dibina bukan untuk rakyat tempatan tetapi menyasarkan pembeli warga asing khususnya daripada China.

Projek pembangunan Forest City dan Bandar Malaysia menyediakan penempatan dan kemudahan infrastruktur bagi warganegara China di Malaysia. Bandar Malaysia dilaporkan menyediakan kemudahan perumahan sebanyak 10,000 unit manakala Forest City didakwa mempunyai kapasiti untuk menampung sekitar 700,000 orang China yang ingin tinggal di Malaysia.

---

<sup>9</sup> Malaysia is Asean 'best' in retirement tourism. <https://www.theedgemarkets.com/article/maybank-kim-eng-malaysia-aseans-best-retirement-tourism>

<sup>10</sup> Penang NGOs launch petition urging Dr M to cancel PSR project. <https://www.malaysiakini.com/news/475609>

## **Risiko Perubahan Demografi: Sejauhmana 100,000 Warga China Berstatus MyPR Diberikan Kerakyatan Penuh?**

Menurut Hansard Parlimen yang dilaporkan oleh portal The Star pada 3 Dis 2018, seramai 57,191 pemegang kad MyPR telah dianugerahkan status warganegara sepanjang 10 tahun bermula tahun 2008 sehingga 2018. Menurut jabatan perangkaan, warga Indonesia merupakan kelompok terbesar seramai 24,005 orang, diikuti warga India seramai 12,097 orang, dan warga China seramai 7,242 orang <sup>11</sup>.

Namun begitu, pada 28 Mei 2019, negara dikejutkan dengan dakwaan bekas Exco Pelancongan Perak, Datuk Hamidah Osman yang mendakwa terdapat 100,000 permohonan warga China yang sedang memohon untuk mendapatkan status warganegara penuh <sup>12</sup>. Hal ini disebabkan mereka tidak berpuas hati kerana hanya diberikan status MyPR sahaja.

Walau bagaimanapun, pihak KDN telah menafikan dakwaan itu dengan mengatakan KDN tidak pernah meluluskan permohonan 100,000 warga China itu, namun begitu pihak KDN tidak juga menafikan permohonan yang mencecah ratusan ribu itu sememangnya wujud.

## **Sindiket Kewarganegeraan Malaysia: Di Manakah Pelancong China Yang Hilang Di Malaysia?**

Akhbar FMT melaporkan bahawa Malaysia telah menjadi destinasi pelancongan yang paling popular dalam kalangan rakyat China dan menerima jumlah pengunjung paling tinggi berbanding negara lain di seluruh dunia dari republik itu. Menurut Timbalan Menteri Pelancongan,

<sup>11</sup> Over 57,000 foreigners with PR status granted citizenship since 2008. <https://www.nst.com.my/news/nation/2018/12/436856/over-57000-foreigners-pr-status-granted-citizenship-2008>

<sup>12</sup> Longgar syarat kemasukan pelancong China, India undang mudarat <https://www.sinarharian.com.my/article/30347/BERITA/Nasional/Longgar-syarat-kemasukan-pelancong-China-India-undang-mudarat>



Muhammad Bakhtiar Wan Chik, pelancong dari China menunjukkan peningkatan sekitar 20-30% pada tahun 2018 (mencecah 2.5 juta pengunjung) berbanding tahun sebelumnya sekitar 2.2 juta orang sahaja.

Bagi tahun 2019 pula, Kementerian pelancongan mensasarkan kehadiran seramai 3 juta pengunjung China ke negara ini. Pada masa yang sama, terdapat isu keselamatan mengenai pelancong China ke negara ini yang sudah berlarutan semenjak dari awal tahun 2003. Isu kehilangan pelancong negara itu yang mencecah ratusan ribu, tidak dapat dikesan pihak imigresen. Namun begitu, tiada laporan yang melaporkan bahawa perkara itu telah diselesaikan oleh pihak KDN dan Jabatan Imigresen.

Pada tahun 2003, seramai 500,000 pelancong China telah datang ke negara ini. Walau bagaimanapun statistik menunjukkan hanya 315,000 warga China sahaja yang pulang ke negara asal. Dengan kata lain, seramai 185,000 warga China masih berada di Malaysia dan tidak dapat dikesan. Pada tahun 2004 pula, Jabatan Imigresen dilaporkan tidak dapat memastikan ke mana hilangnya lebih 250,000 pelancong dari India dan China apabila rekod menunjukkan mereka tidak keluar dari negara ini walaupun sudah tamat tempoh lawatan. Tambahan lagi, pada tahun 2005, Perdana Menteri pada ketika itu, Tun Abdullah Badawi telah mengarahkan siasatan dilakukan kepada pelancong China seramai 50,000 orang yang telah menghilangkan diri di Malaysia sepanjang tahun itu. Antara punca utama yang dilaporkan adalah terdapat cubaan mendapatkan kewarganegaraan palsu di Malaysia selain menjadikan Malaysia sebagai transit dan terlibat dengan kerja pemerdagangan manusia <sup>13</sup>.

---

<sup>13</sup> PM mahu 50,000 pelancong China yang hilang dicari ([PM mahu 50,000 pelancong China yang hilang dicari. https://www.malaysiakini.com/news/43338](https://www.malaysiakini.com/news/43338))

Jika jumlah bilangan pelancong China yang tidak dapat dikesan dicampurkan kesemuanya, jumlah bagi tahun 2003 dan tahun 2005 sahaja sudah mencecah seramai 235,000 orang. Jika dijumlahkan pula dengan 250,000 pelancong China dan India yang tidak dapat dikesan pada tahun 2004, jumlah ini boleh mencecah sehingga 485,000 orang.

Jika situasi ini masih berlaku dan sasaran pelancong China mencecah 3 juta pengunjung setahun (6 kali ganda peningkatan dari tahun 2005), perkara ini merupakan satu krisis keselamatan demografi dan krisis kewarganegaraan yang kritikal bagi Malaysia.

Perubahan kerajaan pada Mei 2018 tidak menyelesaikan masalah, malah kerajaan PH telah memberi tambahan kelonggaran kepada pelancong China. Pada tahun ini, kerajaan telah melanjutkan keputusan pengecualian visa kepada pelancong China dan India selama 15 hari sepanjang tahun 2019.

Sempena tahun Melawat Malaysia 2020, Menteri Luar Saifuddin Abdullah berkata kerajaan berhasrat melonggarkan lagi syarat kemasukan pelancong daripada syarat sedia ada khususnya kepada pelancong China yang ingin melawat Malaysia. Hal ini belum lagi mengambil kira cadangan lain seperti memberi terus kemudahan perjalanan tanpa visa kepada pelancong China dan India untuk meningkatkan pelancongan Malaysia, seperti yang didesak oleh Persatuan Ejen-Ejen Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (Matta) <sup>14</sup>.

### **Implikasi politik dan sosial**

Menurut statistik Jabatan Perangkaan Negara dari tahun 2017 – 2018,

---

<sup>14</sup> Beri kemasukan tanpa visa kepada pelancong China dan India <https://www.sinarharian.com.my/article/7670/BERITA/Nasional/Beri-kemasukan-tanpa-visa-kepada-pelancong-China-India>

Malaysia mencatatkan populasi penduduk seramai 32.4 juta orang. Dalam tempoh masa 10 tahun, bilangan bangsa Cina meningkat daripada 6.67 juta orang (23.0%) kepada 6.69 juta orang (23.2%) iaitu peningkatan sebanyak 0.2% atau sebanyak 200,000 orang setahun. Jika permohonan 100,000 orang Cina yang berstatus MyPR diterima, dan ratusan ribu pelancong yang tidak dapat dikesan terlibat dengan sindiket menjadi warganegara (yang sekarang ini meningkat 6 kali ganda) diambil kira dalam isu pertumbuhan mengikut kaum, hal ini berupaya memberi kelebihan pertumbuhan kepada bangsa Cina sekitar 0.28 - 0.97%. Bangsa Melayu yang berjumlah 20.07 juta orang hanya mempunyai pertumbuhan sebanyak 0.3% sahaja.

Terdapat pelbagai implikasi yang berupaya timbul dari migrasi warga China ke Malaysia. Dalam jangka masa yang panjang adalah tidak mustahil warga China yang bermigrasi ke Malaysia ini bakal menerima kerakyatan penuh. Perkara ini boleh diukur melalui corak persamaan yang wujud dalam lipatan sejarah penerimaan orang China di Tanah Melayu dahulu.

Pada era penjajahan, British melalui Malayan Union telah mencadangkan kerakyatan Jus Soli kepada pendatang China dan India pada tahun 1945 yang dilaksanakan pada tahun 1946. Jus Soli merupakan kerakyatan yang diberikan berdasarkan tempat kelahiran. Pada ketika itu terdapat penentangan dari orang Melayu yang rasa tidak puas hati dengan kerakyatan mudah diberikan. Proses negosiasi dilakukan antara British, Orang Melayu dan kelompok imigran yang berakhir dengan menerima sebahagian prinsip Jus Soli secara bersyarat. Antara syarat

---

<sup>14</sup> Beri kemasukan tanpa visa kepada pelancong China dan India <https://www.sinarharian.com.my/article/7670/BERITA/Nasional/Beri-kemasukan-tanpa-visa-kepada-pelancong-China-India>

yang telah digariskan seperti 1) 10 tahun berada di Tanah Melayu, 2) penguasaan bahasa Melayu, 3) Taat setia kepada Persekutuan, 4) ibu bapa warga persekutuan. Beberapa jenis pembahagian warganegara turut dilaksanakan seperti warganegara British (merujuk kepada Cina Negeri Selat), Cina yang dilahirkan di Tanah Melayu dan Cina pendatang.

Namun begitu, pada akhirnya hampir kesemua kelompok imigran Cina dan India telah diberikan kerakyatan penuh dan menikmati hak politik, ekonomi dan sosial yang sama dengan bangsa Melayu. Mereka mendapat ruang untuk menjadi pemerintah negara dan merangka polisi strategik bagi Malaysia. Bagi gelombang baru kedatangan warga China ke Malaysia ini, hanya masa sahaja yang akan menentukan kerakyatan penuh bagi mereka.

Pengalaman Malaysia ini boleh dibandingkan dengan pengalaman Australia yang melihat imigrasi warga China ke Australia sebagai satu krisis. Kependudukan Warga China di Australia telah mewujudkan proses gentrifikasi dengan mendominasi dan mewujudkan golongan kelas pertengahan serta meminggir penduduk asal Australia. Sejak tahun 2006 sehingga 2015, populasi warga China mencecah sebanyak 500,000 orang (2.1%) dari keseluruhan penduduk Australia yang berjumlah 23.7 juta orang. Bahkan migrasi warga China ke Australia tidak hanya tertumpu kepada bandar-bandar besar seperti Sydney dan Melbourne tetapi turut sama melimpah ke bandar kecil seperti Adelaide dan Perth.

Di Malaysia pula, kedatangan orang Cina pada era British telah meminggirkan orang Melayu melalui proses pecah dan perintah dengan memberi kedudukan ekonomi yang strategik kepada bangsa Cina untuk berada di bandar. Selain itu, gelombang baru kedatangan warga China ke Malaysia mula memberi tumpuan penempatan strategik di bandar-bandar sekitar Johor Bharu, Kuala Lumpur, Selangor, Penang, dan Kuching.

Seperti Malaysia juga, migrasi warga China ke Australia telah dibantu dengan banyak program kerajaan yang memudahkan kependudukan mereka antaranya visa yang ditawarkan kerajaan. Terdapat 3 jenis visa yang disediakan iaitu visa pekerja berkemahiran, visa pelajar dan Significant Investor Visa (SIV) yang diberikan kepada mana-mana pelabur yang boleh komit dengan pelaburan sebanyak \$5 juta dolar kepada Australia. Mereka akan diberikan visa selama 4 tahun dan boleh memohon status penduduk tetap. Permohonan visa ini majoritinya terdiri daripada warga China <sup>15</sup>.

### **Rumusan dan Cadangan**

Secara keseluruhannya, kedatangan orang China ke Malaysia boleh membuka ancaman demografi yang akan membawa kepada permasalahan lain dari pelbagai bidang. Kerajaan perlu meneliti semula polisi kerajaan sedia ada. Antaranya, polisi keuntungan pelaburan di bawah MM2H perlu dilengkapi dengan mekanisma mendidik semangat kesetiaan kepada Malaysia bagi warganegara China yang memohon untuk tinggal lama di Malaysia khususnya generasi orang cina yang lahir daripada kelompok permohonan ini.

Kerajaan juga perlu mengetatkan lagi syarat dalam meluluskan permohonan warganegara penuh bagi pemohon MyPR dengan mengambil kira keseimbangan demografi, kestabilan kuasa politik serta agenda Panchinaan Malaysia yang pernah dihasratkan oleh China. KDN dan pihak imigresen juga perlu meningkatkan kawalan keselamatan bagi sektor pelancongan khususnya bagi pelancong China yang terlibat dengan sindiket kewarganegaraan. Banyak perkembangan operasi PDRM

<sup>15</sup> <https://www.scmp.com/week-asia/people/article/2173263/how-rise-chinas-middle-class-migrants-challenging-australian-fears>

berjaya dalam membanteras pelancong China yang datang ke Malaysia bagi aktiviti tidak bermoral. Tumpuan perlu juga diberikan kepada operasi PDRM menjejak sindiket kewarganegaraan ini.

## **IRIS Institute**

Interdisciplinary Research and International Strategy

### **Bandar Baru Bangi**

No 6-23-3A, Jalan Medan,  
Pusat Bandar 8A, Bangi Sentral,

